

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 FEBRUARI 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 29

Koridor ekonomi wilayah catat pelaburan RM101.43 bilion

Koridor ekonomi wilayah catat pelaburan RM101.43 bilion

KUALA LUMPUR - Pihak Berkuasa Koridor telah mencatatkan jumlah pelaburan komited sebanyak RM101.43 bilion dengan jumlah pelaburan direalisasi sebanyak RM64.07 bilion bagi tahun 2021-2022 dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12), kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Beliau berkata, Pihak Berkuasa Koridor juga berjaya menarik sebanyak 206,339 peluang pekerjaan dan 15,071 peluang keusahawanan di koridor ekonomi wilayah walaupun berdepan dengan cabaran pasca pandemik Covid-19.

"Pembangunan di Koridor Ekonomi Wilayah akan terus diberi perhatian apabila potensi sedia ada di wilayah akan terus dimanfaatkan bagi merangsang pertumbuhan ekonomi dan menangani ketidakseimbangan wilayah.

"Selaras dengan strategi yang digariskan di bawah RMK12, usaha untuk menarik pelaburan berkualiti melalui pelaksanaan projek-projek yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dengan pendekatan teknologi, automasi dan inovasi akan terus dipergiat di wilayah," katanya dalam jawapan yang disiarkan di laman sesawang Parlimen, pada Selasa.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11), Rafizi berkata, Pihak Berkuasa Koridor di lima koridor ekonomi wilayah telah merekodkan jumlah pelaburan komited sebanyak RM343.06 bilion dengan sejumlah RM263.79 bilion pelaburan, dan turut menjana sebanyak 297,480 peluang pekerjaan dan 27,602



RAFIZI

FOTO: UNISZA



Munirah Dakian

Pada RMK11 lalu, lima koridor ekonomi wilayah telah merekodkan jumlah pelaburan komited sebanyak RM343.06 bilion dan menjana 297,480 peluang pekerjaan dan 27,602 peluang keusahawanan.

peluang keusahawanan di seluruh koridor ekonomi wilayah.

Dalam tempoh RMK12, terdapat beberapa program yang menggalakkan penggunaan teknologi dan inovasi telah dilaksanakan, kata-nya. - Bernama